

Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah (Siri I)

3 April 2008, *Utusan Borneo*, ms.13

Oleh **Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee dan Jakaria Dasan**

Sungguhpun pada peta dunia, saiz Negara Brunei Darussalam begitu kecil jika dibandingkan dengan negeri Sabah dan Sarawak, akan tetapi nilai kekayaan Negara itu adalah jauh lebih tinggi dari yang dimiliki oleh kedua buah negeri. Sebagai antara Negara pengeluar minyak utama dunia dengan nisbah penduduknya yang kecil, Negara ini memiliki segala kelebihan mengatasi kedua buah negeri berkenaan. Sewajarnya kekayaan itu, masih dapat menggambarkan betapa Brunei pada suatu ketika dahulu adalah merupakan sebuah empayar yang memerintah kedua buah negeri termasuk sebahagian kawasan Kalimantan, di Indonesia. Brunei Darussalam terkenal sebagai salah sebuah negara yang terkaya disebabkan oleh hasil eksport minyaknya. Ia juga pernah terkenal sebagai pengeksport kapur barus pada sebelum zaman moden. Secara umumnya, sejarah Negara Brunei Darussalam telah dipinggirkan dalam kegiatan-kegiatan historiografi Asia Tenggara. Oleh yang demikian, ramai yang tidak menyedari atau memahami kepentingan sejarah Kesultanan Brunei kepada sejarah ketamadunan masyarakat Borneo umumnya. Fakta ini dapat disorot semula dengan membaca hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh dua orang penyelidik Sekolah Sains Sosial, Bilcher Bala dan Baszley Bee Basrah Bee.

Sejarah Awal Kesultanan Borneo

Brunei memiliki sebuah monarki yang sangat tua, dimana ia telah wujud lebih daripada setengah millinium yang lalu dengan genealogi dinastinya yang tidak terputus. Sebelum kedatangan orang Eropah pada awal abad ke enambelas, sebuah kerajaan Kesultanan Melayu-Pribumi di bahagian barat-laut Borneo telah bangkit menjadi kuasa utama di kalangan banyak daerah ketua

tunggal (*chiefdoms*) dan kerajaan di pulau ini. Sesungguhnya, sejarah Kesultanan Brunei Darussalam adalah unik, bermula dengan kisah sebuah bandar-pelabuhan kuno, *Po-li* atau *Po-ni* pada sebelum abad ke empatbelas, membangun menjadi sebuah organisasi bandar-negara yang kuat. Ia lebih dikenali oleh Dinasti Ming dengan nama *Wen-lai* atau *Bo-ni* pada abad ke limabelas.

Pada dasarnya, kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara merujuk China sebagai kerajaan yang perkasa dan mengikitiraf kedaulatan China dengan membayar ufti kepada Dinasti Liang sehingga tahun 523 M. Raja kerajaan *Po-li* dinamakan sebagai *Kaundinya*, yang merupakan satu gelaran Hindu bermaksud 'raja gunung sakti' atau *Sailendra*. Walau bagaimanapun, orang Cina telah tersilap menganggap raja tersebut menganut agama Buddha yang mempunyai persamaan dengan kepercayaan terhadap unsur semangat yang diamalkan oleh kaum pribumi di Brunei Tua. Semasa pemerintahan Dinasti Tang (618-906 M.), *Po-li* diperintah oleh raja bernama *Hu-lan-na-po*. Kemudian kerajaan Brunei Tua dikenali sebagai *Po-ni* semasa pemerintahan Dinasti Sung (960-1279 M.). Rajanya dinamakan *Hsiang-ta* (Nyanta), yang menghantar satu utusan ufti ke China pada tahun 977 M. untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap kesetiiaannya. Sekitar tahun 1082 M., rajanya bernama *Seri Maja* (Seri Maharaja), telah menghantar satu utusan ke China melalui pelabuhan Chuan-Chou. Jurutulis di istana kerajaan China yang bernama Chau-Ju-Kua telah menyebut bahawa pada tahun 1225 M. kerajaan *Po-ni* lebih dikenali di kalangan suadagar-saadagar Cina sebagai sebuah kerajaan yang kaya dengan sumber kapur barus. Berikutnya, rekod *Ming Shih* menyebut bahawa dari tahun 1368 M. kerajaan *Po-ni* membayar ufti dalam bentuk kapur barus kepada kerajaan Majapahit. Kewujudan pengaruh Hindu telah dibuktikan oleh penemuan artifak *genesha* gajah, *nandi* lembu dan *yoni* di beberapa tapak arkeologi sekitar muara Sungai Limbang yang mengalir ke dalam Teluk

Brunei. Walaupun artifak-artifak tersebut terbukti berasal daripada Hindu, tetapi kemungkinan ianya dibawa daripada Pulau Jawa ketika kerajaan Brunei Tua menjadi jajahan takluk kepada kerajaan Majapahit. Pada tahun 1408 M., raja kerajaan *Po-ni* yang bernama *Ma-na-je-chia-na* (kemungkinan satu gelaran Hindu, *Maharaja Karna*) bersama permaisuri dan putera yang berusia empat tahun telah mengetuai utusan ke China untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap kesetiaan dan perlindungan daripada ancaman Majapahit. Ahli-ahli sejarah tidak sehaluan dalam interpretasi terhadap era ini, terutamanya mengenai isu pengislaman kerajaan Brunei Tua. Sejarahwan-sejarahwan Barat berpendapat bahawa pengislaman kerajaan Brunei Tua berlaku seawal tahun 1500 M. Manakala, sejarawan-sejarawan Brunei mencadangkan tahun 1371 M.

Sejarah Pertalian Masyarakat Brunei dan Sabah

Ahli sejarah Brunei, M.A. Rahman (1990) menyarankan satu tarikh yang mungkin (antara 1406 M. to 1408 M.) pengislaman Betatar kepada Mohammad Shah, yakni Sultan Brunei yang pertama. Para sejarawan Brunei menyokong kuat pandangan bahawa Betatar berasal daripada keturunan kaum pribumi. Hal ini menggambarkan satu tempoh peralihan telah berlaku dalam Teluk Brunei. Sebuah kerajaan baru telah ditubuhkan oleh orang Islam berhampiran dengan kerajaan Brunei Tua. Orang Islam membina ibu kota kerajaan Brunei-Islam di Pulau Chermin dalam muara Sungai Brunei. Manakala penduduk animis-pribumi pula kekal menetap di tanah besar di mana letaknya ibu kota lama Brunei Tua. Seorang jurutulis Portugis bernama Tome Pires dalam karyanya, *Suma Oriental* yang dituliskan sekitar tahun 1512-1515 M., menyebut “Borneo terdiri daripada banyak pulau besar dan kecil. Semuanya dihuni oleh penduduk animis melainkan pulau yang terbesar dihuni oleh orang Islam; tidak begitu lama sejak Rajanya menjadi Islam. Mereka kelihatan seperti kaum pedagang. Para pedagang mereka adalah semua lelaki

yang bertubuh bersaiz sederhana, tidak terlalu pintar. Mereka berdagang secara langsung dengan Melaka setiap tahun. Ia adalah sebuah negeri yang kaya dengan daging, ikan dan sago. Sesungguhnya, terdapat banyak pulau (sejumlah 33) dalam Teluk Brunei dan kemungkin Pires merujuk kepada Pulau Chermin sebagai pulau yang terbesar.

Sebenarnya, pada abad Kelimabelas kerajaan Majapahit (Jawa) lebih mengenali Sultan Brunei dengan nama *Raja Chermin*. Tambahan, Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661-1673 M.) pernah menjadikan Pulau Chermin sebagai ibukota Brunei. Terdapat dua sumber yang ditulis oleh Tome Pires di Melaka, bertarikh 5 Januari 1515 M. dan 8 Januari 1515 M. untuk mengesahkan kewujudan dua buah kerajaan yang berasingan di Teluk Brunei. Sumber pertama menyebut bahawa penduduk animis-pribumi sebagai “*Lucoes of Burneo*” adalah kaum pedagang yang datang ke Melaka. Sumber kedua menyebut “*Bruneo*” dan “*Lucoes*” adalah kerajaan-kerajaan atau orang-orang yang berlainan. Pires mengatakan bahawa kerajaan “*Bruneo*” dan pedagang-pedagangnya adalah serupa kaum (Melayu) atau agama (Islam) dengan *Temenggong* Melaka. Di samping kesaksian Pires tersebut, terdapat juga kesaksian yang lain daripada Antonio Pigafetta pada tahun 1521 M., antara lain menyebut “Di dalam pelabuhan yang sama (Teluk Brunei) adalah sebuah bandar yang dihuni oleh orang animis-pribumi, lebih besar daripada bandar yang dihuni oleh orang Islam, dan dibina di atas air masin sama seperti bandar orang Islam itu.”

Sebenarnya terdapat cuma satu kerajaan di Teluk Brunei. Kemungkinan sumber Portugis telah tersilap pandangan terhadap pembesar (pemerintah) penduduk animis-pribumi sebagai seorang raja. Pada dasarnya, istilah “*Lucoes*” telah digunakan oleh orang Portugis untuk merujuk kepada kaum bukan-Muslim di rantau ini, terutamanya merujuk kepada kaum animis-pribumi Borneo termasuklah kaum orang laut (Bajau, Suluk dan lain-

lainnya sebelum memeluk Islam). Menurut satu lagi sumber Portugis yang ditulis oleh Bras Bayao pada tahun 1535, menyebut; “tidak semua penduduk Brunei adalah *Lucoes*... di dalam pelabuhan yang sama terdapat banyak jurumudi yang mahir, yang juga dinamakan *Lucoes* dan mereka adalah peneroka-peneroka.” Kaum *Lucoes* merupakan rakyat jelata kerajaan Brunei Tua di bawah kepimpinan Awang Semaun, iaitu *Pengiran Temenggong* yang pertama (satu pengiktirafan yang tersirat seumpama ‘polis’) dengan tanggungjawab untuk menjaga keamanan dan mempertahankan kerajaan. Pada ketika sumber Portugis diitulis, Pengiran Temenggong adalah seorang Islam berketurunan Melayu. Ternyata sumber tradisi Brunei tidak mempunyai keterangan lanjut mengenai Awang Semaun ataupun keturunannya. Secara umumnya, sumber tradisi Brunei menyatakan bahawa Betatar dan tigabelas saudaranya telak memeluk Islam dan ini menggambarkan mereka adalah orang jahiliah sebelumnya.

Dalam konteks pandangan yang lebih luas, Sultan yang pertama adalah bekas seorang ketua utama di kalangan ketua-ketua kaum pribumi bagi empatbelas daerah yang berbeza di rantau ini. Ini menjelaskan satu perkaitan hubungan yang kukuh antara kaum pribumi dengan kerajaan monarki Brunei. Sejak kehancuran kerajaan Melayu di Sumatra pada pertengahan abad Keempatbelas, migrasi orang Melayu dan budaya mereka telah mempengaruhi kehidupan kaum rakyat pribumi kerajaan Brunei Tua. Istilah ‘pribumi’ seharusnya tidak dikelirukan dengan istilah ‘bumiputera’ yang digunakan masa kini (menurut Perlembagaan). Istilah *Pribumi* merujuk kepada beberapa kumpulan etnik seperti Belait, Tutong, Bisaya, Lundayeh-Lun Bawang, Murut, Dusun, Kelabit, Bukit, Melanau dan Penan. Manakala, istilah ‘bumiputera’ secara umumnya merangkumi Melayu Brunei, Kedayan, Bajau, Suluk, Iban, Kayan, Kenyah, dan lain-lain lagi yang dianggap sebagai masyarakat imigran sejak zaman pertengahan.

Apa pun, mereka berkongsi satu pengalaman, semuanya pernah menjadi rakyat jelata kerajaan Brunei Tua dan Kesultanan Brunei sebelum berlakunya huru-hara yang disebabkan oleh orang Eropah pada abad Kesembilanbelas.

Sejarah Sebuah Empayar maritim ke Sebuah Negara.

Dengan menikmati keuntungan daripada aliran barangan dagangan di laluan perdagangan antarabangsa, Brunei telah muncul sebagai sebuah pelabuhan entrepot dan menjadi empayar maritim pada abad Kelimabelas dan Keenambelas. Brunei menguasai sebuah rantau yang luas merangkumi seluruh Borneo dan Kepulauan Filipina. Perdagangan di Brunei mula meningkat selepas keruntuhan empayar Majapahit pada tahun 1368 M. Pengislaman golongan pemerintah pada awal abad Kelimabelas telah menyumbang kepada pembangunan Brunei menjadi sebuah pelabuhan entrepot yang mewah. Selepas pengunduran kerajaan China daripada aktiviti maritim pada abad Kelimabelas, pedagang-pedagang Muslim mula berpengaruh luas di rantau ini. Kerajaan Brunei telah menghantar utusan ufti yang terakhir kepada kerajaan China pada tahun 1425 M. Ini menandakan Brunei telah bangkit menjadi sebuah kuasa besar dan pusat pemerintahannya di Kota Batu telah berkembang menjadi sebuah bandar yang mewah daripada hasil perdagangan dan ufti. Ini memberi peluang kepada Brunei menjadi sebuah empayar maritim yang kuat di rantau ini pada dekad-dekad berikutnya.

Era ini ditanda sebagai ‘Zaman Keagungan’ kerajaan Kesultanan Brunei, yang mencapai kemuncaknya pada masa pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524 M.). Seorang sejarawan British bernama, H. Hughes-Hallett (1940) memberi gambaran mengenai Brunei pada era tersebut, berkata; “sebuah negara yang merangkumi seluruh Sarawak dan Sabah kini ... kekuasaannya merentasi bahagian Borneo yang diwakili kawasan yang kemudiannya

menjadi jajahan-jajahan seperti kerajaan-kerajaan Kesultanan Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli Tuli, Banjar (Banjarmasin) dan Bolongan; ke atas Kepulauan Sulu dan ke atas pulau-pulau Balabak, Banggi, Balambangan dan Palawan.” Penguasaan ke atas perdagangan luar dan dalaman termasuk dataran dalam lingkungan empayar Brunei adalah tertumpu kepada peranan pada pembesar yang ditugaskan untuk mentadbir jajahan-jajahannya. Samada secara langsung atau tidak langsung, golongan bangsawan Melayu Brunei telah menguasai aktiviti perdagangan di seluruh empayar Brunei dari abad Keenambelas dan seterusnya.

Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah (Siri II)

Oleh

*Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee dan
Jakaria Dasan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)*

Sejarah amat penting dalam kehidupan masyarakat dimana jua di dunia. Sejarah selalunya menyediakan sumber rujukan terbaik untuk kebaikan masyarakat pada sepanjang masa. Sejarah menjadi asas kepada percaturan pemerintah, pentadbir, pengusaha (usahawan) malah masyarakat umumnya apabila ingin melakukan sesuatu tindakan. Sejarah Kesultanan Brunei yang asalnya sebuah empayar yang memerintah Sabah, Sarawak dan sebahagian besar wilayah Kalimantan merupakan satu fakta sejarah yang amat relevan dan wajar kita soroti. Universiti Malaysia Sabah melihat usaha ke arah pengkajian semula ini sebagai satu komitmen penting yang bakal diwarisi dengan jelas oleh generasi di masa akan datang.

Sejarah Sebuah Empayar Maritim kepada Sebuah Negara

Brunei telah diletakkan di dalam carta maritim dunia melalui pelayaran penerokaan mengililingi dunia oleh Magellan pada tahun 1521 M. Sejak itu Brunei mula menjadi perhatian kepada kuasa-kuasa maritim Eropah. Empayar Brunei hanya dapat bertahan sehingga suku akhir abad Keenambelas ekoran perluasan dan ancaman pengaruh orang Eropah di rantau ini. Perluasan kuasa Sepanyol di Filipina telah menjadi titik mula keruntuhan empayar Brunei. Pada mulanya Brunei telah kehilangan Manila kepada Sepanyol pada 19 Jun 1571 M. setelah kekalahan Raja Sulaiman yang dilantik oleh Sultan sebagai pembesar (pengiran) atau pemerintah di Manila. Ekoran kekecewaan terhadap tindakan Sultan Brunei menolak permohonan kuasa Sepanyol untuk berdagang di bandar pelabuhan Brunei, maka Kapten Jeneral Sepanyol yang bernama Dr. Francisco De Sande telah mengetuai sebuah

kapal perang utama yang dinamakan *Santiago* dan menyerang Brunei pada 16 April 1578 M. Walau bagaimanapun, hasrat kuasa Sepanyol untuk menjajah Brunei terpaksa dibatalkan kerana timbul masalah penyakit disentri atau taun di kalangan tentera-tenteranya dan mereka meninggalkan Brunei. Kemudiannya, kuasa Sepanyol mengalihkan focus kempennya ke atas Kepulauan Sulu, yang mana dipercayai menjadi asal usul Perang Moro yang tiada kesudahan sehingga hari ini.

Walaupun kerajaan Kesultanan Brunei adalah terbukti sebagai sebuah negara-kuasa saingan kepada kuasa-kuasa Eropah di rantau ini, tetapi masalah sengketa politik dalaman tidak dapat dielakkan sehingga menyebabkan Brunei tewas kepada kuasa Sepanyol pada ketika itu. Pada dekad-dekad berikutnya kelemahan kuasa Brunei ke atas jajahan-jajahan yang masih kekal adalah nyata sekali. Selepas kemangkatan Sultan Mohammad Hassan (1582-1598 M.), hampir semua jajahan di Filipina telah bebas daripada kuasa Brunei. Perang Saudara antara Pengiran Abdul Hakkul Mubin (Sultan, 1661-1673 M.) dan Pengiran Muhyiddin (Sultan, 1673-1690 M.) telah menyebabkan bahagian utara Borneo (kini Sabah) telah jatuh kepada kerajaan Kesultanan Sulu. Pada abad Kelapanbelas, kuasa Belanda dan kuasa British telah masuk ke rantau ini dan beransur-ansur menjajah jajahan-jajahan tradisional kerajaan Kesultanan Brunei. Proses ini bermula hampir serentak dari arah selatan dan utara Borneo, di mana British memperolehi hampir semua hak-hak kedaulatan ke atas wilayah-wilayah atau daerah-daerah yang telah lebih kurang terpencil dari ibu kota (Brunei) atau yang mana kurang kawalan daripada Brunei. Terdapat tiga jenis jajahan yang berkaitan, iaitu *kerajaan* (hak kuasa Sultan yang sedang memerintah), *kuripan* (hak kuasa pembesar-pembesar utama yang memerintah) dan *tulin* (hak milik individu-persendirian). Sementara kuasa Belanda menumpu perhatian di bahagian selatan Borneo, pihak kuasa British buat pertama kali telah menduduki Pulau

Balambangan di pantai utara Borneo pada tahun 1773 M. Sejak pertengahan abad Kesembilanbelas, kuasa British mula secara berperingkat menguasai lebih banyak daerah ke arah ibukota kerajaan Brunei. Ini telah mengwujudkan dua pembahagian yang mana menjadi Borneo Utara (Sabah) di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) dan Sarawak di bawah pemerintahan Rejim Brooke. Dan akhirnya pada tahun 1906 M., sempadan kerajaan Kesultanan Brunei telah adalah dirundingkan secara berhati-hati dan ditetapkan. Dari pengkisahan ini, apa yang ingin diditongjolkan ialah mengenai asal kewujudan sebuah empayar (Brunei) yang telah berubah menjadi sebuah Negara kecil sahaja.

Sejarah Brunei Sebagai Pusat Penyebaran Islam di Borneo

Sultan yang pertama, Mohammad Shah @ Awang Alak Betatar telah berkahwin dengan seorang puteri Islam, yang mana ditegaskan menurut sumber tradisi Brunei sebagai puteri kepada Sultan Bahkei, pemerintah kerajaan Kesultanan Johor. Semasa pemerintahan Sultan yang ketiga, Sharif Ali (1425-1432 M.), Brunei mula memainkan peranan utama dalam penyebaran agama Islam ke seluruh rantau ini. Baginda berasal dari Arab dan daripada jurai keturunan daripada Nabi Muhammad S.A.W. Tambahan, baginda dikenangkan sebagai *Sultan Berkat*, kerana membina masjid yang pertama dan membina struktur Kota Batu. Dengan kata lain, penegasan ajaran Islam dengan berkesan telah berlaku semasa pemerintah baginda. Walau bagaimanapun, semasa pemerintahan Sultan Bolkihah, seorang pengembara dan pahlawan yang perkasa, dikenali sebagai *Nakhoda Ragam*, agama Islam telah tersebar dari Brunei ke seluruh Pulau Borneo, Kepulauan Sulu dan Filipina. Di samping itu, Sultan Bolkihah menggalakkan rakyatnya bermigrasi keluar mencari kawasan yang subur untuk dijadikan petempatan baru. Semestinya, Pengiran-Pengiran and datu-datu yang dilantik oleh Sultan untuk mentadbir jajahan-

jajahan telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam di seluruh empayar Brunei. Biasanya, para pembesar Brunei yang dilantik akan membawa ramai rakyat sebagai rombongan pengiring ke jajahan-jajahan yang telah diamanahkan. Misalnya, apabila Raja Tengah dihantar ke Sambas pada abad Keenambelas, beliau diiringi oleh 1,000 orang rakyat jelata (Melayu Brunei). Situasi yang sama juga berlaku ketika Raja Tua dihantar ke Menggatal, Sabah dan Pengiran Indera Mahkota ke Sarawak pada abad Kesembilanbelas.

Sejarah Awal Pengaruh Kebudayaan Melayu Brunei

Pada awal abad Kelimabelas, di setiap jajahan-jajahan yang membentuk negeri-negeri Sarawak dan Sabah pada hari ini, kerajaan Kesultanan Brunei telah melantik kaum kerabat bangsawan Melayu Brunei menjadi pembesar (wakil Sultan), khususnya berpangkalan di muara sungai-sungai utama seperti Sarawak, Mukah, Baram, Limbang, Lawas, Padas, Membakut, Kimanis, Papar, Pengalat, Putatan, Inanam, Menggatal, Tuaran dan Mengkabong. Terdapat juga kes ketua-ketua pribumi dan Datu-Datu Suluk dilantik menjadi wakil Sultan di sesebuah jajahan. Dengan penubuhan institusi kuasa kerajaan Kesultanan Brunei di banyak tempat di sepanjang kawasan pantai Sarawak dan Sabah, sudah tentu proses migrasi rakyat jelata telah mula berlaku. Oleh itu, kaum Melayu Brunei terdapat dalam daerah-daerah di sepanjang kawasan pantai negeri Sarawak dan negeri Sabah. Walau bagaimanapun, kebanyakan populasi mereka terdapat di kawasan pantai barat, terutamanya dalam Daerah Papar di negeri Sabah; dalam Daerah Limbang di Sarawak, dan dalam wilayah Persekutuan Labuan.

Secara tradisinya, Melayu Brunei adalah kaum nelayan, pelayar dan pedagang. Hari ini, mereka menangkap ikan menggunakan boat dan kaedah moden dan ramai yang berkhidmat dalam sector awam dan industri.

Kebiasaan mereka adalah hidup komuniti kampung air, iaitu satu tradisi gaya hidup dalam rumah-rumah di atas air laut. Satu bukti yang kukuh mengenai pengaruh budaya kaum Melayu Brunei adalah ditemui dalam peralatan seni tradisional, khususnya Kulintangan dan Gambus di negeri Sabah.

Semenjak bermulanya pentadbiran British pada tahun 1881, lebih ramai orang Melayu Brunei bermigrasi ke Sabah. Mereka meneruskan aktiviti berdagang dan beransur-ansur menetap di tempat-tempat lain sepanjang pantai Sabah dan Sarawak. Komuniti masyarakat Bajau di Kampung Mengkabong umpamanya, mempelajari kecenderungan masyarakat ini membina rumah-rumah di atas air dimana perkampungan mereka ini dikenali sebagai perkampungan air. Di samping itu berlaku proses perkahwinan campur di antara kaum Melayu Brunei dengan kaum-kaum Dusun, Bisaya dan Bajau sejak itu. Selain meneruskan gaya hidup perkampungan air, kaum Melayu Brunei juga menetap di daratan seperti di kampung-kampung Ranca-Ranca, Lubuk Temiang, Gersik dan Tanjung Aru di Labuan.

Potensi Pengajian Brunei di UMS

Menyedari akan wujudnya suatu warisan sejarah yang amat rapat di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah, maka Universiti Malaysia Sabah telah mengambil inisiatif melaksanakan suatu kajian yang lebih menyeluruh mengenai sejarah Brunei sehingga kini. Pada masa ini, UMS telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Thalassocracy: a History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam* (2005) yang ditulis oleh En. Bilcher Bala, pensyarah Sekolah Sains Sosial UMS. Buku ini merupakan sebuah karya yang lebih komprehensif pernah diterbitkan di Malaysia mengenai sejarah Kesultanan Brunei. Pada masa ini, satu kumpulan pensyarah daripada Program Sejarah, Program Komunikasi dan Sekolah Pengajian Seni sedang menjalankan kajian mengenai warisan Melayu Brunei di

Sabah dengan bantuan geran daripada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KeKKWa). Ini juga membuktikan UMS adalah komited dengan cita-cita menjadi pembekal utama bahan rujukan mengenai warisan Kesultanan Brunei di Malaysia. Dari tahun ke tahun, terdapat pertambahan pelajar di peringkat pengajian pra-siswazah yang berminat untuk menulis kajian tesis mengenai warisan Brunei di negeri Sabah. Usaha-usaha kajian ini telah dilakukan, sama ada secara langsung atau tidak, adalah untuk merekonstruksi satu bentuk hubungan yang 'lama' di kalangan ASEAN khususnya antara sebuah negeri di Malaysia iaitu Sabah dengan sebuah Negara iaitu Negara Brunei Darussalam.

Bagi merintis sebuah manifestasi pengkajian yang lebih tepat dan bermaklumat, maka pada 22 Januari 2008, sebuah memorandum persefahaman antara UMS dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah dimeterai yang akan memberi impak maksima kepada hikayat sebuah Negara yang dahulunya merupakan sebuah empayar maritime yang begitu berkuasa di Kepulauan Borneo. Selain itu hubungan kerjasama dengan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (SHOAS IIS) serta Jabatan Muzium-Muzium Brunei serta Pusat Sejarah Brunei turut dijalin melalui lawatan UMS ke Negara Brunei Darussalam dari 20 hingga 22 Januari yang lalu.